


INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

ENDURE ENTERPRISE



CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **20hb. Februari 1996**
Surat Tuan:
Surat Kami: **100-CM(AKA 30/7B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma In Banking Studies. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai salah satu syarat bagi memenuhi keperluan matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Azlinda Mustafa.	94520379
2.	Lindawati Amran	94561026
3.	Maznah Ismail	94510959
4.	Rahayu Shahbudin	94537529
5.	Ridia Al-Qaddrina	94581126

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ASMAH H.J. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Pengetua

Diploma Pengurusan Bank
ITM Cawangan Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.

Tarikh

En. Shamsuddin bin Hussin
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka.


Encik,

Penyerahan Rancangan Perniagaan Pembuatan, Pembungkusan dan Penedaran Pot Pourri

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya kami menyerahkan kertas kerja Rancangan Perniagaan untuk pembuatan, pembungkusan dan penedaran Pot Pourri yang telah lengkap disediakan meliputi aspek-aspek yang diperlukan.


2. Tujuan kami menyediakan Rancangan Perniagaan ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) yang diwajibkan ke atas semua pelajar semester 05.
3. Rancangan Perniagaan ini menyediakan maklumat-maklumat yang terbabit yang akan dilaksanakan oleh satu perniagaan rakan kongsi yang menjalankan pembuatan, pembungkusan dan penedaran Pot Pourri.
4. Kami berharap agar Rancangan Perniagaan yang telah kami sediakan ini menepati keperluan yang telah ditetapkan. Kami meminta maaf sekiranya terdapat kekurangan dan kesalahan dalam Rancangan Perniagaan ini. Segala maklum balas dari pihak Encik kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,




(LINDAWATI BT. AMRAN)

94561026




(AZLINDA BT. MUSTAFA)

94520379




(RAHAYU BT. SHAHBUDIN)

94537529



(MAZNAH BT. ISMAIL)

94510959



(RIDIA AL QADDRINA SYAFRI)

94581126

1.0 : PENGENALAN

Perniagaan kami bernama Endure Enterprise beralamat di No 2 Tingkat 1, Kompleks MARA, Jalan Hang Tuah 75300 Melaka.

Perniagaan yang kami jalankan ini ialah perniagaan rakan kongsi yang diterajui oleh 5 orang anak muda graduan diploma daripada Institut Teknologi MARA cawangan Melaka.

Syarikat kami mula beroperasi pada 1 Januari 1998 dan ianya menumpukan skop perniagaannya di kawasan Melaka Tengah sahaja memandangkan syarikat kami belum lagi dikenali ramai.

Sepintas lalu, perniagaan kami yang menjalankan aktiviti pembuatan, pembungkusan dan pengedaran pot pourri ini telah memilih Melaka Tengah sebagai skop perniagaan kami kerana permintaan pot pourri di Melaka Tengah pada masa ini sedang meningkat. Oleh itu kami cuba mengambil peluang ini untuk meneroka bidang yang belum berkembang ini terutamanya di kawasan Melaka Tengah.

Tambahan pula negeri Melaka adalah negeri yang berpotensi untuk maju. Maka tentunya permintaan untuk pot pourri akan meningkat. Jadi kami mengambil langkah awal supaya kami dapat mencapai keuntungan dimasa hadapan demi menyahut wawasan 2020.